

SOALAN NO: 4

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB PUAN ALICE LAU KIONG [LANANG]

TARIKH : 19 JUN 2014

SOALAN :

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :

- (a) Bilangan penduduk Sibu & Lanang serta Sarawak yang berdaftar dengan eKasih;
- (b) Jumlah penduduk yang telah diberi bantuan dan bilangan penduduk yang ditolak permohonannya.

JAWAPAN:YB DATO' SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Mei 2014, bilangan isi rumah (keluarga) yang berada di dalam Sistem eKasih bagi kawasan Parlimen Sibul, Lanang dan seluruh negeri Sarawak adalah seperti berikut:

STATISTIK ISIRUMAH DI DALAM eKASIH
MENGIKUT STATUS KEMISKINAN BAGI PARLIMEN SIBU,
LANANG DAN NEGERI SARAWAK SEHINGGA 31 MEI 2014

KAWASAN	STATUS KEMISKINAN				JUMLAH
	MISKIN TEGAR	MISKIN	MUDAH MISKIN	TERKELUAR	
Parlimen Sibu	601 (2.16%)	868 (2.76%)	266 (2.44%)	904 (2.89%)	2,639 (2.60%)
Parlimen Lanang	307 (1.10%)	496 (1.58%)	18 (0.16%)	536 (1.71%)	1,357 (1.34%)
Negeri Sarawak*	27,731 (1.06%)	31,363 (1.20%)	10,882 (0.42%)	31,227 (1.19%)	101,203 (3.86%)

* Nota : Peratus berdasarkan kepada bilangan penduduk negeri Sarawak tahun 2013 berjumlah 2.6 juta orang.

Tuan Yang di-Pertua,

- (b) Bagi statistik status permohonan bantuan isi rumah di dalam eKasih mengikut kawasan Parlimen Sibul, Lanang dan negeri Sarawak sehingga 31 Mei 2014 adalah seperti berikut:

**STATISTIK PERMOHONAN BANTUAN OLEH ISIRUMAH
DI DALAM eKASIH MENGIKUT STATUS BAGI PARLIMEN SIBU,
LANANG DAN NEGERI SARAWAK SEHINGGA 31 MEI 2014**

KAWASAN	STATUS PERMOHONAN BANTUAN		JUMLAH
	DILULUSKAN	DITOLAK	
Parlimen Sibul	10,303 (99.80%)	21 (0.20%)	10,324
Parlimen Lanang	4,781 (99.98%)	1 (0.02%)	4,782
Negeri Sarawak	493,758 (99.60%)	1,813 (0.40%)	495,571

Untuk makluman Yang Berhormat, terdapat permohonan yang ditolak kerana pemohon tidak menepati kriteria yang telah ditetapkan oleh agensi pemberi bantuan. Sebagai contoh, permohonan bantuan rumah ditolak jika status tanah adalah bukan milik pemohon atau pun tidak mendapat kebenaran daripada tuan tanah.

Sekian. Terima kasih.